

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan untuk memperincikan pelan Kementerian untuk memindahkan pentadbiran Pelabuhan Bintulu dari Kerajaan Persekutuan ke Kerajaan Sarawak berdasarkan semangat MA63.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Kementerian telah menerima surat permohonan daripada Kerajaan Negeri Sarawak mengenai pertukaran status Pelabuhan Bintulu daripada Pelabuhan Persekutuan dan sedang berada di dalam perhatian dan penelitian pihak Kementerian.
2. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan sedang meneliti dan menelusuri perkara ini secara teratur dan berhemah agar tindakan sewajarnya dapat ditentukan bagi menjamin kesejahteraan dan objektif pihak Kerajaan dan pihak Kerajaan Negeri Sarawak terjaga.

Sekian, terima kasih.